



Peranan Undang-Undang Syariah di Malaysia Dalam Melindungi Hak Kanak-Kanak Berdasarkan Maqasid Al-Shari'ah

Undang-Undang Syariah & Hak Kanak-Kanak

The Role of Syariah Law of Malaysia In Protecting The Children's Rights Based on Maqasid Al-Shari'ah

93

SUHAIZAD SAIFUDDIN (Corresponding Author)
Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan,
Aras 11, Menara MAINS, Seremban, Negeri Sembilan
suhaizad @ns.gov.my.

Submitted: 12 April 2021
Revised: 27 April 2021
Accepted: 30 April 2021
E-Published: 30 April 2021

AZIZAH MAT RASHID
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
Bandar Seri Putra, Selangor.
azizahrashid@kuis.edu.my

ADIBAH BAHORI
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
adibahbahori@uitm.edu.my

MOHAMAD AZHAN YAHYA
Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan
Malaysia, Bangi, Selangor.
azhan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kanak-kanak merupakan aset dan modal insan penting sesebuah negara. Golongan ini perlu dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian yang boleh memberi impak kepada masa depan mereka. Walau bagaimanapun kes-kes melibatkan pengabaian hak kanak-kanak di negara ini masih kerap berlaku. Objektif penulisan adalah untuk mengenalpasti teori perlindungan kanak-kanak berdasarkan *Maqasid al-Shari'ah*. Seterusnya penulisan ini bertujuan untuk menganalisis aplikasi teori yang dikenalpasti dalam peruntukan undang-undang syariah di negara ini. Penulisan ini mengguna pakai kerangka kajian undang-undang tulen dan kualitatif yang dibahaskan secara deskriptif dan doktrinal. Data-data yang diperolehi berbentuk dokumentasi dan bahan perpustakaan di samping mengguna pakai kaedah analisis kandungan terhadap data-data





tersebut. Dapatan penulisan mendapati Islam menyediakan jaminan perlindungan terhadap hak kanak-kanak bersesuaian dengan *Maqasid al-Shari'ah* yang menyeluruh. Manakala dari sudut undang-undang syariah, Malaysia telah menyediakan peruntukan undang-undang yang memberikan jaminan perlindungan terhadap hak kanak-kanak bersesuaian dengan *Maqasid al-Shari'ah*. Penulisan ini menyarankan agar kefahaman anggota masyarakat terhadap perlindungan hak kanak-kanak sentiasa diperkasa. Di samping itu, perlunya penguatkuasaan yang berterusan terhadap peruntukan undang-undang sedia ada supaya jaminan perlindungan hak kanak-kanak tetap terus terpelihara selaras dengan *Maqasid al-Shari'ah*.

Kata kunci: Hak Kanak-Kanak, *Maqasid al-Shari'ah*, Undang-Undang Syariah, Mahkamah Syariah

ABSTRACT

Children are important assets and human resources for a nation. They should be protected from any form of neglect that could impact their future. However, cases involving the neglect of children's rights in this country is still frequently happened. This study intended to identify child protection theory(ies) based on *Maqasid al-Shari'ah* and to analyse the application of the identified theory(ies) in the provisions of Syariah law in Malaysia. This qualitative study used the authentic legal research framework that was discussed in a descriptive and doctrinal manner. The data were in the form of documents and library materials that were analysed using the content analysis method. Findings show that Islam guarantees a total protection of the children's rights inconsistency with *Maqasid al-Shari'ah*. Whereas from the Syariah law perspective, Malaysia has provided legal provisions that guarantees the protection of children's rights that is consistent with *Maqasid al-Shari'ah*. This study suggests the the society's understanding on the protection of children's rights should always be empowered. In addition, there should be continuous enforcement of the existing legal provisions in order that children's rights are incessantly protected in line with *Maqasid al-Shari'ah*.

Keywords: *Children's Rights, Maqasid al-Shari'ah, Syariah Law, Syariah Court*

PENGENALAN

Malaysia telah telah menandatangani konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak 1989 pada tahun 1994 dan telah berkuatkuasa pada tahun 1995. Walau bagaimanapun Malaysia telah membuat pindaan terhadap beberapa fasal yang bertentangan dengan dasar dan undang-undang tempatan. Konvensyen ini mendorong kerajaan supaya lebih bertanggungjawab untuk kesejahteraan kanak-kanak sebagai mengiktiraf hak mereka. Di samping itu, konvensyen ini menetapkan segala keperluan kanak-kanak yang berasingan daripada keperluan orang dewasa. Selain konvensyen tersebut, terdapat beberapa statut yang memberikan perlindungan kepada kanak-kanak di negara ini iaitu Akta Kanak-kanak 2001, Akta Keganasan Rumahtangga dan Kanun Keseksaan. Kesemua akta ini diletakkan di bawah bidang kuasa persekutuan yang di kuatkuasakan di Mahkamah Awam. Di Mahkamah Awam pendengaran bagi



kes-kes kekeluargaan dibuat di Mahkamah Tinggi Bahagian Sivil. Namun, bermula tahun 2002, Bahagian Keluarga Mahkamah Tinggi telah diwujudkan di Kuala Lumpur dan Shah Alam yang berbidang kuasa terhadap kes-kes kekeluargaan selepas perceraian sahaja. (Asmidah et al., 2015).

Selain Mahkamah Awam, Mahkamah Syariah juga turut berperanan dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan perlindungan terhadap kanak-kanak di negara ini. Jadual kesembilan Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan berhubung bidang kuasa negeri yang meletakkan undang-undang syariah di bawah bidang kuasa tersebut. Namun pemakaian undang-undang syariah di Malaysia adalah terhad kepada orang Islam di negara ini. Di bawah undang-undang syariah, terdapat beberapa statut yang menyediakan perlindungan kanak-kanak Islam di bawah undang-undang keluarga Islam dan undang-undang jenayah syariah. Pada tahun 2018, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Mahkamah Khas Perkahwinan, Hadhanah dan Nafkah (Siti Salmiah, 2018). Penubuhan mahkamah ini merupakan satu usaha bagi mempercepatkan penyelesaian masalah berkaitan perkahwinan, hak jagaan anak dan nafkah anak sekali gus menunjukkan keperihatinan Mahkamah Syariah dalam memberikan perlindungan kanak-kanak di bawah bidang kuasa sedia ada.

HAK KANAK-KANAK BERDASARKAN MAQASID AL-SHARI'AH

Menurut Islam, kanak-kanak atau *al-tifl* dikaitkan dengan istilah *al-sighar* iaitu tempoh yang dikaitkan dengan seseorang semenjak kelahirannya sehinggalah dia bermimpi (*baligh*) (Al-Syaukani, 2002). Majoriti golongan fuqaha Islam menyatakan bahawa penentuan *baligh* secara semulajadi dapat dilihat pada tanda-tanda fizikal dan pengalaman diri kanak-kanak itu sendiri (Al-Suyuti, 1968, 240). Bagi kanak-kanak perempuan, permulaan kitaran haid menjadi petanda utama tahap *baligh*. Di samping itu, perubahan diri secara fizikal yang berlaku pada kanak-kanak perempuan dan lelaki seperti pertumbuhan bulu-bulu pada kemaluan dan sesetengah anggota badan. Walaubagaimanapun, sekiranya perubahan secara semula jadi tersebut tidak berlaku, *baligh* ditentukan berdasarkan had umur. Jumhur fuqaha yang terdiri daripada mazhab Shafie, Hanafi, dan Hanbali bersepakat dalam memutuskan kanak-kanak dikira *baligh* apabila telah mencapai usia lima belas tahun (Ibn Qudamah, 1969, 345). Manakala majoriti mazhab Maliki menetapkan umur *baligh* bagi kanak-kanak ialah lapan belas tahun (Al-Jaziri, 1986, 352). Oleh itu, penentuan kanak-kanak dalam Islam adalah berkait rapat dengan tempoh *baligh*. Apabila seorang kanak-kanak telah mencapai *baligh*, maka dia tidak lagi termasuk dalam kategori kanak-kanak lagi.

Dalam Islam setiap urusan perlulah berlandaskan kepada *Maqasid al-Shari'ah*. *Maqasid al-Shari'ah* bermaksud makna dan hikmah yang diambil kira oleh Syarak dalam keseluruhan atau sebahagian daripada aspek pensyariatannya (Ibn Asyur, 2007, 49). *Maqasid al-Shari'ah* juga didefinisikan sebagai makna dan hikmah atau seumpamanya yang syariah memeliharanya dalam pensyariatannya sama ada secara umum atau khusus untuk merealisasikan kemaslahatan umat manusia (Al-Yubi, 1998,



37). Berdasarkan takrifan tersebut *Maqasid al-Shari'ah* amat berkait rapat dengan perlindungan *maslahah* umum masyarakat. Penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta merupakan aspek yang terangkum dalam *Maqasid al-Shari'ah*. Justeru, setiap urusan yang melibatkan perlindungan kanak-kanak perlu berasaskan kepada *Maqasid al-Shari'ah* yang menjadi pertimbangan *maslahah* dan *mafsadah* (kerusakan) terhadap kanak-kanak.

Berhubung dengan penjagaan agama, Islam menyarankan agar ibu bapa mendidik kanak-kanak dengan ilmu pengetahuan agama dan mendidik mereka dengan akhlak Islam yang dianjurkan. Hal ini kerana Islam memandang berat kehidupan kanak-kanak dalam suasana yang baik, keluarga yang menerapkan ajaran Islam, kelayakan untuk menjaga kanak-kanak Muslim, sejauh mana penjagaan ibu bapa terhadap agama dan berpegang kepada kefahaman Islam yang sebenar (Muhammad Qutub, 1982,108). Di samping itu ibu bapa juga bertanggungjawab untuk mendidik kanak-kanak dengan hal-hal kebaikan (Ibn Qayyim, t.th, 151) dan rukun-rukun iman dalam Islam (Al-Syarbibi, 2000, 200). Tanggungjawab ini bersesuaian dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka.

(At-Tahrim,66:6)

Islam juga menetapkan hak kanak-kanak berkaitan dengan ilmu mengenal tuhan dan memberi didikan berkaitan ibadah di atas tanggungjawab ibu bapa. Tanggungjawab ini boleh diperhatikan menerusi sebuah hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

Perintahkanlah anak-anakmu mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka kerana tidak solat ketika berumur sepuluh tahun, dan pisahkanlah tempat tidur mereka.

(Abu Daud, 2003: 238)

Berdasarkan penjelasan tersebut, perlindungan kanak-kanak berkaitan dengan penjagaan agama perlu sentiasa dititik beratkan oleh ibu bapa supaya kanak-kanak tersebut membesar dengan kefahaman ajaran Islam yang sebenar. Selain itu, Islam juga sangat mengambil berat terhadap perlindungan kanak-kanak berkaitan penjagaan nyawa. Islam melarang sekeras-kerasnya pembunuhan kanak-kanak yang menjadi amalan masyarakat Jahiliyyah sebelum kedatangan Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu karena takut miskin. Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepadamu. Membunuh mereka itu sungguh suatu dosa yang besar.

(Al-Isra': 17: 31)



Islam juga melarang pembunuhan kanak-kanak ketika berlakunya peperangan sebagaimana yang diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Janganlah membunuh orang tua, wanita dan kanak-kanak.

(Abu Daud, 1998, 37)

Larangan membunuh kanak-kanak ini termasuklah ketika bayi masih dalam kandungan atau janin lagi. Para fuqaha telah bersepakat bahawa pembunuhan terhadap janin seperti pengguguran bayi adalah termasuk dalam jenayah qisas dan diyat (Abd Qadir Audah, 2009, 232). Abu Hurairah RA menerusi sebuah riwayat berkata:

Pada suatu hari dua orang wanita Bani Huzail bergaduh dan salah seorang di antara mereka melontar batu ke arah seorang lagi menyebabkan wanita itu dan kandungannya mati. Mereka mengadu kepada Nabi SAW dan Baginda memutuskan diyat bagi janin tersebut ialah ghurrah iaitu seorang hamba lelaki atau wanita. Baginda juga memutuskan diyat wanita tersebut dibayar oleh kaum lelaki keluarga pesalah.

(Ibn Qudamah, 2017, 535)

Perlindungan terhadap nyawa kanak-kanak juga dapat difahami menerusi tanggungjawab ibu bapa terhadap penyusuan, hak jagaan dan nafkah bagi memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan bagi meneruskan kehidupan dan membesar dalam keadaan yang baik. Tanggungjawab ini dinyatakan menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.

(Al-Baqarah, 2: 233)

Menerusi ayat di atas, ibu dan bapa dipertanggungjawabkan bagi memastikan anak menikmati hidup dengan sempurna. Islam mengharuskan bapa untuk mengupah orang lain bagi menyusukan anak sekiranya terdapat sebab-sebab yang menghalang atau kesukaran ibu untuk menyusukan anaknya (Al-Sarkhasi, 2000, 103). Di samping itu tanggungjawab memberi nafkah adalah terletak di atas bahu seorang bapa sehingga kanak-kanak tersebut boleh bekerja atau sehingga kanak-kanak perempuan telah berkahwin. Sekiranya bapa kanak-kanak tidak berkemampuan, kewajipan tersebut terletak di atas tanggungjawab kaum kerabat sebelah bapa. Namun sekiranya bapa adalah seorang fakir dan tidak mampu untuk bekerja serta tidak mempunyai kerabat, maka tanggungjawab memberi nafkah merupakan tanggungjawab Baitul Mal (Al-Istaryani, 1997, 83).



Sabda Nabi SAW ketika didatangi seorang wanita yang datang mengadu kepada baginda berhubung hak jagaan anak yang bermaksud:

Wahai Rasulullah, sesungguhnya anakku ini, perutku adalah tempatnya (tinggal sewaktu mengandung), puting susu adalah tempat minumannya, dan pangkuanku adalah pelindungnya, sedangkan ayahnya telah menceraikanku dan ingin merampasnya dariku. Lalu Rasulullah SAW bersabda kepadanya "Engkau lebih berhak terhadapnya selama engkau belum bernikah.

(Sunan Abu Daud, 490)

Hadith ini menerangkan keutamaan seorang ibu untuk menjadi penjaga kepada anak yang masih kecil. Islam juga telah mengatur peraturan-peraturan berhubung hak jagaan kanak-kanak. Penjagaan kanak-kanak ini merangkumi segala keperluan kanak-kanak tersebut dari sudut makanan, kebersihan, nafkah dan pendidikan. Para fuqaha juga telah menetapkan syarat-syarat seorang penjaga bagi menjamin perlindungan kanak-kanak (Al-Kasani, 1997, 213).

Dari sudut penjagaan akal, Islam memelihara akal kanak-kanak dalam membentuk fikirannya dengan segala ilmu yang bermanfaat dari aspek syariah, sains, kebudayaan dan kemajuan agar dapat mencapai kematangan secara intelektual. Oleh itu kanak-kanak mempunyai kemampuan untuk berfikir dengan baik di masa depan, menjadi lebih baik dalam menilai setiap perkara dengan bantuan pengalaman dan kepakaran orang lain ('Ulwan, 2002, 177). Perlindungan kanak-kanak dari sudut akal ini berkait rapat dengan ilmu pengetahuan dan didikan ibu bapa terhadap kanak-kanak. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Menuntut ilmu merupakan kewajipan setiap umat Islam.

(Ibn Majah, 1993, 34)

Hadith di atas menjelaskan tuntutan Islam terhadap setiap orang Islam untuk menuntut ilmu. Imam al-Shafie menjelaskan adalah menjadi kewajipan ibu-bapa untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak mereka sebagai panduan kepada mereka selepas baligh. Imam al-Shafie juga menegaskan sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibn Qayyim bahawa sekiranya salah seorang ibu bapa meninggalkan pendidikan anaknya, maka dia tidak membuat ketaatan dan tidak mempunyai penguasaan ke atas anaknya (Ibn Qayyim, 2003, 1119).

Di samping itu, kanak-kanak juga perlu dilindungi dari sudut penjagaan keturunan. Hubungan kanak-kanak dengan ibu bapa dan keluarga tidak boleh diputuskan. Kanak-kanak perlu dinasabkan daripada benih lelaki yang menikahi seorang wanita iaitu ibu kepada kana-kanak tersebut secara sah. Oleh itu, seorang anak angkat tidak boleh dinasabkan dengan bapa angkat. Penentuan ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Panggillah anak-anak angkat itu dengan berbinkan kepada bapa-bapa mereka sendiri, cara itulah yang lebih adil di sisi Allah.

(Al-Ahzab : 33: 5)

Ayat di atas melarang seorang bapa angkat menasabkan anak angkat dengan namanya. Di samping itu, kanak-kanak yang tidak sah taraf menurut Hukum Syarak tidak boleh dinasabkan dengan suami kepada wanita yang melahirkan anak tersebut. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Anak itu untuk hamparan (isteri) dan bagi pezina adalah batu (tidak mendapat hal nasab).

(Al-Hakim Al-Naisaburi, 1998, 375)

Menerusi hadith di atas, Islam telah menetapkan aturan-aturan bagi menentukan nasab ke atas seorang kanak-kanak. Menurut Imam Malik dan Imam al-Shafie, anak yang lahir selepas enam bulan dari tarikh perkahwinan ibubapanya, anak itu dinisbahkan kepada bapanya. Sebaliknya jika kurang dari enam bulan, maka nasab anaknya adalah kepada ibunya. Wahbah al-Zuhaili pula menjelaskan waktu kelahiran anak dihitung sejak berlakunya akad pernikahan. Sekiranya seorang bayi lahir setelah enam bulan dihitung sejak akad pernikahan maka bayi itu dinasabkan kepada suami dan sekiranya kurang dari enam bulan, ianya dinasabkan kepada ibunya. Walau bagaimanapun, pengecualian berlaku dalam situasi si suami menyatakan bahawa anak itu adalah anaknya dan tidak membuat pengakuan bahawa anak tersebut dari hubungan pezinaan (Wahbah Al-Zuhaili, 1988, 34).

Islam juga memberikan perlindungan terhadap harta kanak-kanak. Selain perlu diberi nafkah, kanak-kanak juga mempunyai hak dalam harta perwarisan seperti hibah, wasiat dan pembahagian faraid. Kanak-kanak juga ditegah daripada menguruskan harta mereka sehingga mereka telah mencapai tahap atau umur yang ditetapkan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan janganlah kamu serahkan kepada golongan Sufaha' (iaitu mereka yang belum sempurna akalnya), harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan oleh Allah SWT sebagai punca kehidupan. Berikanlah kepada mereka harta perbelanjaan dan pakaian (sekadarnya daripada harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik.

(An-Nisa', 4: 5)



Ayat di atas menerangkan harta kanak-kanak yang belum sempurna akal yang disebut sebagai *al-Safih* perlu diuruskan oleh ibu bapa atau penjaga mereka. Justeru, hak perlindungan harta kanak-kanak perlu ditunaikan oleh mereka yang berautoriti.

JAMINAN PERLINDUNGAN DAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK MENURUT KERANGKA UNDANG-UNDANG SYARIAH

Peruntukan berkaitan hak kanak-kanak begitu terhad di dalam semua Enakmen pentadbiran negeri, iaitu sekadar peruntukan nafkah dan *ḥadānah* sahaja. Peruntukan nafkah anak sah taraf terdapat di semua negeri. Manakala peruntukan nafkah anak tak sah taraf dan *ḥadānah* tidak seragam di semua negeri. Berhubung peruntukan nafkah, hanya Perak, Johor dan Pahang sahaja yang mempunyai tafsiran nafkah. Bagi isteri yang diceraikan secara talak di Johor (Seksyen 118 (6), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978) dan Pahang (Seksyen 71, Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (EPUIARM), 1982), berhak menuntut harta sepencarian, nafkah diri, anak, dan mut'ah.

Dalam tuntutan nafkah anak di Selangor, Sabah, Penang, Melaka, Kedah, Negeri Sembilan, Perak dan Pahang, kanak-kanak berusia 15 tahun atau wakilnya berhak menuntut terhadap bapa atau orang yang layak menanggung menurut hukum syarak. (Seksyen 140, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (EPUI) Selangor, 1952; Seksyen 39(3) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Sabah, 1977; Seksyen 133 EPUI Melaka, 1959; Seksyen 135, EPUI Kedah, 1962, EPUI Pulau Pinang, 1959; Seksyen 134, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (EPAI) Negeri Sembilan, 1960; Seksyen 139, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (EPAI) Perak, 1965; Seksyen 93(1) EPUIARM Pahang, 1982) Manakala Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor menetapkan usia kanak-kanak 18 tahun ke bawah untuk menuntut sendiri atau melalui wakilnya di Mahkamah Syariah. (Seksyen 105 (1) EPUI Perlis, 1963; Seksyen 84(1) Enakmen Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam (EMSHEPI) Kelantan, 1966; Seksyen 118 (1) EPUI Terengganu, 1955; Seksyen 134, EPUI Johor, 1978) Melaka kemudiannya meminda usia kanak-kanak kepada 18 tahun untuk membuat tuntutan sendiri di mahkamah (Pindaan Enakmen No. 8/1981).

Tafsiran kebajikan dan kepentingan terbaik tidak ada di dalam Undang-undang Keluarga Islam, tetapi di dalam peruntukan mengenai hak kanak-kanak khususnya di bahagian *ḥadānah* banyak menyebut istilah ini. Hasil penelitian terhadap beberapa peruntukan undang-undang yang ada di dalam UKIM mendapati, selain daripada bahagian *ḥadānah*, penjagaan diri dan harta kanak-kanak, ada peruntukan-peruntukan yang menyentuh tentang kebajikan kanak-kanak sama ada secara langsung atau tidak langsung. Di bawah undang-undang syariah sedia ada, terdapat beberapa enakmen yang menyediakan peruntukan-peruntukan jaminan dan perlindungan kepada kanak-kanak. Berikut merupakan undang-undang yang memberikan perlindungan kepada kanak-kanak Islam di negara ini:



Peruntukan Perlindungan Kanak-kanak di bawah Undang-Undang Keluarga Islam

Peruntukan perlindungan dan kebajikan kanak-kanak dalam keluarga secara khusus dimasukkan di bawah undang-undang keluarga. Walau bagaimanapun, undang-undang keluarga di Malaysia terdapat dua sistem perundangan iaitu undang-undang keluarga sivil yang terpakai kepada bukan Muslim dan undang-undang keluarga Islam yang terpakai khusus untuk Muslim termasuklah kanak-kanak berdasarkan Jadual 9, Senarai Negeri. Di dalam tafsiran Undang-undang Keluarga Islam tidak ada tafsiran kanak-kanak sebaliknya ia mempunyai tafsiran baligh sahaja. Walau bagaimanapun, tafsiran kanak-kanak boleh didapati secara tidak langsung di dalam Undang-undang Keluarga Islam berhubung kuasa bapa sebagai penjaga utama ke atas diri dan harta anaknya yang belum dewasa iaitu (Seksyen 87(4) EUPKI Terengganu 1985):

Bagi maksud-maksud penjagaan ke atas diri dan harta, seseorang hendaklah disifatkan sebagai kanak-kanak melainkan dia telah genap umur lapan belas tahun

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, seseorang yang berusia 17 tahun dan ke bawah dikategorikan sebagai kanak-kanak. Berdasarkan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam menyediakan peruntukan-peruntukan berkaitan hal ehwal perkahwinan dan perceraian. Di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seorang lelaki yang berumur lapan belas tahun dan seorang perempuan yang berumur enam belas tahun ke bawah tidak dibenarkan untuk berkahwin melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis dari Mahkamah Syariah (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 8). Penetapan umur minimum perkahwinan ini dapat memastikan perkahwinan kanak-kanak tidak menjadi satu budaya masyarakat di samping menjamin perlindungan terhadap hak kanak-kanak Islam di negara ini serta ianya selari dengan konsep *maqasid al-shari'ah*. Namun keharusan perkahwinan perlu dilihat kepada kes tertentu setelah menepati syarat-syarat yang ketat dan diperakui oleh pihak mahkamah. Kerajaan boleh dan perlu menggubal undang-undang yang lebih meraikan *maqasid syariah* dan menggabungkan antara nas syarak serta masalah

Merujuk seksyen 73 hingga 81 pula memperuntukkan berkaitan nafkah terhadap seorang kanak-kanak sama ada anak sah taraf, anak tidak sah taraf dan anak angkat. Nafkah secara umumnya bermakna apa yang dibelanjakan seseorang ke atas tanggungannya (Hāfiẓ al-Dīn, 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Maḥmud al-Ḥanafī, 2001). Seorang bapa berkewajipan menanggung nafkah anak dan kewajipan tersebut berpindah kepada pihak-pihak yang bertanggung di bawah Hukum Syarak sekiranya bapa kanak-kanak tersebut mati atau hilang (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 73 (1) (2)). Sekiranya penjaga yang telah diperintahkan oleh mahkamah untuk membayar nafkah anak culas dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut sehingga menyebabkan tunggakan, seksyen 78 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memberikan jaminan agar hak kanak-kanak untuk mendapatkan tunggakan nafkah tersebut. Bahkan di bawah peruntukan yang lain, penjaga yang



gagal melunaskan tunggakan nafkah tersebut boleh dikenakan hukuman pengkomitan dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 30 hari melalui Permohonan Saman Penghutang Penghakiman (Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998, seksyen 175-185). Bagi memastikan pelaksanaan tersebut terjamin, Bahagian Sokongan Keluarga telah ditubuhkan pada tahun 2008 yang bermatlamat mengurus tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah Mahkamah Syariah yang berkesan dan efisien.

Seorang bapa angkat pula perlu menanggung nafkah anak angkatnya dan tanggungjawab tersebut terhenti selepas kanak-kanak tersebut diambil semula oleh ibu atau bapanya (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 seksyen 78). Sementara tanggungjawab untuk membayar nafkah anak yang tidak sah taraf diletakkan di atas bahu ibu kanak-kanak tersebut. Kesemua kewajipan ini perlu ditunaikan sehingga kanak-kanak mencapai umur lapan belas tahun atau sehingga tamat pengajian tinggi (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 seksyen 79). Peruntukan-peruntukan berhubung nafkah anak ini bertepatan dan selari dengan kehendak *maqasid al-shari'ah*. Tanpa pemberian nafkah, keperluan terhadap kelangsungan kehidupan kanak-kanak akan terjejas.

Perlindungan kanak-kanak juga boleh diperhatikan menerusi peruntukan berhubung hak jagaan yang dinyatakan menerusi seksyen 82 hingga 89. Peruntukan-peruntukan ini menyediakan aturan dan kelayakan orang-orang menjadi penjaga, sebab-sebab pelucutan hak jagaan, tempoh penjagaan, dan penjagaan anak tidak sah taraf. Seorang ibu adalah pihak paling layak untuk menjaga anak kecilnya (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 82(1)). Kelayakan ini akan terlucut sekiranya terdapat sebab-sebab yang boleh menggugurkan ibu tersebut daripada kelayakan menjadi penjaga (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 84).

Sekiranya ibu hilang kelayakan, hak jagaan akan berpindah kepada salah seorang yang diberikan keutamaan mengikut undang-undang (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 82(2)). Selain itu, hak jagaan anak tidak sah taraf adalah semata-mata pada ibu dan saudara mara ibu (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 86). Menerusi Seksyen 79(1), EUPKI (Terengganu) 1985, anak tak sah taraf berhak menerima nafkah di bawah UKIM dalam bentuk elaun bulanan munasabah yang ditanggung oleh ibu anak tersebut (Seksyen 79(1), EUPKI (Terengganu) 1985) Seksyen 80 (1) OUKI (Sarawak) 2001, Seksyen 81(1),AUKI (WP) 1984; Seksyen 81(1) EUKI (Selangor) 2003). Cuma di Terengganu sahaja nafkah anak ini boleh dituntut kepada bapa yang disangkakan bapa kandung kanak-kanak itu walaupun tidak wujud ikatan perkahwinan yang sah, di Mahkamah Syariah (Seksyen 79 (2) UPKI (Terengganu) 1985). Peruntukan-peruntukan ini adalah bertujuan mencapai objektif *maqasid al-shari'ah* berkaitan penjagaan agama, nyawa, akal, harta dan keturunan.

Selain itu, seorang kanak-kanak juga dilindungi hartanya melalui peruntukan pada seksyen 89 hingga 103. Keutamaan sebagai penjaga harta seorang kanak-kanak ialah



seorang bapa dan ianya berpindah mengikut susunan keutamaan selepas bapa meninggal dunia (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 89(1)). Penjagaan ini berkuatkuasa sehingga kanak-kanak berumur lapan belas tahun (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 89(4)). Perlantikan penjaga ini berkait rapat dengan tatacara *ad litem* yang diperuntukkan melalui seksyen 24 hingga 30 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998. Kesemua peruntukan ini bertepatan dengan *Maqasid al-Shari'ah* yang menekankan penjagaan harta.

Di dalam Undang-undang Keluarga Islam, terdapat peruntukan mensabitkan kesahatarafan seorang anak kepada bapanya. Terdapat dua cara untuk mensabitkannya; pertama, seorang anak itu memenuhi salah satu daripada empat syarat yang ditetapkan berhubung tempoh kelahirannya dan kedua, melalui pengakuan (*iqrār*). Di samping itu, undang-undang ini turut memberikan jaminan terhadap kesahatarafan anak yang diperuntukkan menerusi seksyen 111 hingga 120. Peruntukan-peruntukan ini menyediakan aturan-aturan berhubung kesahatarafan seorang anak. Seorang kanak-kanak perlu dinasabkan dengan seorang lelaki yang mengahwini ibunya sekiranya kanak-kanak tersebut lahir selepas enam bulan *qamariyyah* dari tarikh perkahwinan (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 111). Hal keadaan yang sama juga berlaku bagi perisetubuhan *syubhah* yang berlaku di antara seorang lelaki dan seorang perempuan (Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 114). Aturan-aturan ini dapat memastikan *Maqasid al-Shari'ah* berkaitan penjagaan harta dan keturunan kanak-kanak terpelihara.

Jaminan dan Perlindungan Kanak-kanak dalam Undang-Undang Jenayah Syariah

Undang-undang jenayah Syariah merujuk kepada undang-undang yang asasnya adalah Syariah dan juga merangkum undang-undang yang berasaskan fiqh. Bagi maksud itu, undang-undang jenayah Syariah di Malaysia, ia merujuk kepada undang-undang berkaitan jenayah yang hanya melibatkan orang-orang Islam dan dibicarakan di mahkamah Syariah. Undang-undang ini juga menyediakan peruntukan-peruntukan dalam memberikan perlindungan kanak-kanak Islam di negara ini.

Antara peruntukan-peruntukan tersebut ialah kesalahan melacurkan anak atau kanak-kanak di bawah jagaan, (Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, seksyen 72) perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan anak, (Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001, seksyen 26). Skop kesalahan pelacuran dalam enakmen kesalahan negeri adalah menyeluruh dan merangkumi perbuatan-perbuatan melacurkan diri sendiri, melacurkan isteri, melacurkan kanak-kanak perempuan dalam jagaannya, membenarkan atau menyebabkan isteri melacurkan diri, atau membenarkan dan menyebabkan kanak-kanak di bawah jagaan melacurkan diri. Pemilik premis yang menyediakan perkhidmatan pelacuran pula, boleh diambil tindakan atas kesalahan menggalakkan maksiat.

Selain itu, di bawah EKJS, terdapat beberapa peruntukan lain seperti sumbang mahram (Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997,



seksyen 20) serta menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam, (Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, seksyen 40) memikat atau membawa pergi anak dara, (Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992, seksyen 76) melarikan anak perempuan (Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995, seksyen 87) dan anak dara lari dari jagaan. (Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001, seksyen 48).

Di samping itu, berdasarkan undang-undang yang sama, kanak-kanak yang belum *baligh* merupakan antara individu yang dikecualikan daripada dikenakan hukuman. (Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, seksyen 51) Oleh itu, kanak-kanak dilindungi daripada dipertuduhkan bagi mana-mana kesalahan di bawah enakmen ini. Kesemua peruntukan ini bertujuan bagi perlindungan kanak-kanak sebagaimana yang dianjurkan dalam aspek *maqasid al-shari'ah*.

PESALAH KANAK-KANAK DI MAHKAMAH SYARIAH

Kesalahan jenayah turut dilakukan oleh golongan muda. Di mahkamah syariah, pesalah muda didapati sering terlibat melakukan kesalahan yang melanggar kesusilaan seperti khalwat, persetubuhan luar nikah, hamil luar nikah serta kelakuan perbuatan tidak sopan di tempat awam. Dalam prinsip syariah, golongan muda yang didakwa melakukan kesalahan ini dipanggil sebagai pesalah kanak-kanak. Walau bagaimanapun, perundangan Islam di Malaysia, di bawah akta dan juga enakmen serta ordinan syariah mendefinisikan mereka sebagai pesalah muda. Sebagai contoh, seksyen 2 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 telah mentafsirkan pesalah muda ertinya seseorang pesalah yang berumur lebih daripada sepuluh tahun dan kurang daripada enam belas tahun. Dalam masa yang sama, pendefinisian yang sama turut digunakan di bawah seksyen 2 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Terengganu) 2001 dan seksyen 2 Ordinan Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sarawak) 2001. Negeri Perlis menggunakan definisi "remaja". Definisi ini mentafsirkan sebagai seorang laki-laki atau perempuan yang berumur di bawah 18 tahun (Anita Abdul Rahim dan Wafaa' Yusof, 2012). Negeri Kedah pada asalnya tidak memperuntukan sebarang definisi berkaitan dengan pesalah muda. Senario pendefinisian yang tidak seragam ini adalah sebelum pindaan definisi pesalah muda dibuat di bawah enakmen tatacara jenayah negeri Perlis dan Kedah. Kini, negeri Kedah melalui seksyen 2 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 2014 dan Perlis melalui seksyen 2 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Perlis) 2006 telah mengambil inisiatif untuk meminda peruntukan undang-undang berkaitan definisi pesalah muda di mahkamah syariah dan telah diseragamkan seperti di bawah peruntukan undang-undang Islam negeri yang lain.



Ringkasnya, menurut perundangan syariah, pesalah muda merujuk kepada seseorang pesalah yang berumur lebih daripada sepuluh tahun dan kurang daripada enam belas tahun. Berdasarkan tafsiran ini, pesalah mudah merupakan sebahagian daripada kanak-kanak mengikut tafsiran seksyen 2, Akta Kanak-kanak 2001 iaitu seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun.

Seksyen 128 Akta 560 telah memperuntukkan berkaitan dengan hukuman bagi pesalah muda sebagaimana berikut:

- (1) Apabila mana-mana pesalah muda disabitkan di hadapan mana-mana Mahkamah atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman denda atau pemenjaraan, Mahkamah itu hendaklah, sebagai ganti apa-apa tempoh pemenjaraan kerana keingkaran membayar denda atau hukuman pemenjaraan-
 - (a) Memerintahkan pesalah itu dilepaskan selepas teguran wajar diberikan jika difikirkan patut oleh Mahkamah; atau
 - (b) Memerintahkan pesalah itu diserahkan kepada ibu atau bapa atau penjaganya atau saudara dewasanya yang terdekat atau kepada mana-mana orang lain, sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah, apabila ibu dan bapa, penjaga, waris atau orang lain itu menyempurnakan bon dengan penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh Mahkamah, bahawa dia akan bertanggungjawab bagi kelakuan baik pesalah itu selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan atau, tanpa menghendaki mana-mana orang mengikat apa-apa bon, membuat suatu perintah berkenaan dengan pesalah itu yang memerintahkannya supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan mengandungi apa-apa arahan kepada pesalah itu mengikut jenis syarat-syarat yang disebut dalam perenggan 130(a), (b) dan (c) yang difikirkan oleh Mahkamah itu patut diberikan.
- (2) Mahkamah yang di hadapannya seorang pesalah muda disabitkan boleh, sebagai tambahan atau sebagai ganti menghukum pesalah itu mengikut cara yang diperuntukkan dalam seksyen ini, mengenakan ke atas ibu dan bapa atau penjaganya denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit dalam mana-mana kes yang Mahkamah itu, selepas siasatan ringkas, berpuas hati bahawa ibu atau bapa atau penjaga itu telah, dengan sebab mereka cuai dalam menjaganya dengan sepatutnya atau selainnya, menyumbang kepada salah laku pesalah itu:

Dengan syarat bahawa tiada ibu atau bapa atau penjaga boleh didenda tanpa dia diberi peluang untuk didengar dan, jika dia berhasrat demikian, mengemukakan keterangan untuk membela dirinya.



Sementara itu, di mahkamah sivil, perintah bagi kanak-kanak boleh dilihat di bawah seksyen 91 (1) Akta Kanak-kanak 2001 yang memerintahkan hukuman bagi pesalah kanak-kanak seperti menegenakan denda, menghantar ke sekolah Henry Gurney, penjara, beri nasihat dan membebaskannya.

Berdasarkan seksyen 128 Akta 560 di atas, seksyen ini dilihat menggunakan prinsip hukuman alternatif dalam meberikan hukuman kepada pesalah muda ini. Hukuman alternatif ini bersifat memberi pengajaran kepada pesalah tersebut. Tujuan ini jelas dilihat apabila seksyen 128 ini tidak memperuntukkan berkaitan dengan hukuman pemenjaraan. Sungguhpun begitu, terdapat dua bentuk bentuk hukuman alternatif yang diperuntukkan di bawah seksyen ini. Pertama, mahkamah memberikan teguran wajar kepada pesalah muda ini. Kedua, pesalah muda ini dilepaskan dengan bon berkelakuan baik dengan syarat-syarat tertentu.

Jika dilihat berdasarkan kepada kerangka perundangan Islam, seksyen 128 Akta 560 ini dilihat menggunakan prinsip perundangan takzir. Takzir adalah hukuman yang ditentukan oleh budi bicara pemerintah. Skop hukuman takzir adalah selain daripada hukuman bagi kesalahan hudud dan qisas. Bentuk dan kadarnya pula tidak ditetapkan dalam al Quran dan al Sunnah. Sebaliknya pemerintah menggunakan prinsip *maslahah* dalam menetapkan bentuk dan kadar hukumannya (Lukman Abdul Mutalib et al. 2014, 143). Hukuman berbentuk takzir ini dilihat bertujuan untuk pencegahan. Ia mencegah daripada pesalah melakukan kesalahan tersebut berulang kali. Dalam masa yang sama, hukuman ini turut memberi pendidikan dan pemulihan kepada pesalah tersebut (Paizah, 1996).

Hukuman alternatif boleh ditafsirkan sebagai alternatif kepada kegagalan membayar denda, alternatif gantian kepada hukuman lain terhadap kesalahan pertama kali atau mengenakan perintah menjalani ukuman di pusat pemulihan akhlak (Mohd Nazri, 2014, 6). Adalah jelas bahawa Islam tidak memperincikan berkaitan dengan bentuk dan kadar hukuman takzir. Ini termasuklah bagi hukuman takzir ke atas pesalah kanak-kanak. Sungguhpun begitu, mahkamah boleh menjatuhkan pesalah kanak-kanak ini dengan hukuman takzir yang sesuai seperti marah, pukul, menyerahkannya kepada pusat pemulihan atau meletakkannya di bawah pengawasan yang khusus. Asas hukuman tersebut adalah bertujuan untuk pencegahan, pemulihan dan pendidikan supaya pesalah kanak-kanak ini dapat hidup dalam persekitaran yang boleh membimbing kehidupan dan akhlaknya ke arah yang lebih baik.

KESIMPULAN

Maqasid al-Shari'ah menjamin perlindungan hak kanak-kanak dalam setiap aspek kehidupan. Jaminan ini menunjukkan bahawa Islam amat menekankan perlindungan hak kanak-kanak sehingga mereka mencapai umur dewasa. Perlindungan hak kanak-kanak sering dikaitkan dengan peranan Mahkamah Awam di negara ini. Namun begitu, Mahkamah Syariah menerusi penguatkuasaan undang-undang syariah juga berperanan penting dalam memastikan kanak-kanak sentiasa mendapat perlindungan sewajarnya. Penulisan ini menyimpulkan bahawa jaminan hak kanak-



kanak yang dinyatakan menerusi undang-undang syariah di negara ini telah memenuhi tuntutan *maqasid al-Shari'ah*. Walau bagaimanapun, beberapa kekurangan perlu ditambah baik. Misalnya tafsiran umur kanak-kanak yang perlu dinyatakan secara jelas dan seragam dalam undang-undang sedia ada. Selain itu, peruntukan berhubung kesan terhadap pengabaian dan kecuaiian terhadap kanak-kanak juga perlu dinyatakan melalui peruntukan yang bersesuaian. Dalam aspek yang lain, pertindihan beberapa peruntukan undang-undang berkaitan perlindungan hak kanak-kanak dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Kanun Keseksaan perlu diperhalusi semula. Menerusi penambahbaikan dan penguatkuasaan berterusan, undang-undang syariah berkaitan perlindungan hak kanak-kanak sentiasa dapat diperkasa sesuai mengikut peredaran masa supaya mampu menjadi undang-undang yang komprehensif dan efektif.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

'Ulwan, A.N. 2002. *Tarbiyyah Awwal fi Islam*. Mesir: Dar al-Salam.

Abd Qadir 'Audah. 2009. *Al-Tasyri' Al- Janaei Al-Islami*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Abu Daud. 1998. *Sunan Abu Daud*. Beirut: Dar al-Risalah al-Ilmiyyah.

Abu Daud. 2003. *Sunan Abu Daud*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Al-Hakim Al-Naisaburi. 1998. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.

Al-Istarusyani. 1997. *Jami' al-Ahkam al-Sighar*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.

Al-Jaziri, A.R. 1986. *Fiqh 'Ala Mazhab Arba'ah*.

Al-Kasani. 1997. *Bade'i al-Sanae'i fi Tartib al-Syaraei*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.

Al-Nawawi. 2003. *Raudah al-Talibin*. Beirut: Dar 'Alam al-Kutub.

Al-Sarkhasi. 2000. *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Suyuti, J.A.R. 1968. *al-Asybah wa al-Nazair fi Qawaid wa Furu' Fiqh al-Shafi'yyah*.
Kaherah: Mu'assasah al-Halabi.

Al-Syarbini. 2000. *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.



Al-Syaukani. t.t. Fath al-Qadr. Beirut: 'Alim al-Kutub.

Al-Yubi, M.S. 1998. Maqasid Al-Syari'ah Al-Islamiyyah wa 'Alaqtuha Bi Al-Adillah al Syar'iyyah. Riyadh: Dar Al-Hijrah.

Anita A.R. & Wafaa' Y. 2012. Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia *Jurnal Undang-Undang Malaysia (KANUN)*24 (1): 1-23.

Asmidah A., Adzidah Y., Kamilah W.M., Noor Aziah M.A., Al-Adib S. 2015. Hak Penyertaan Kanak-kanak dalam Prosiding Kes Sulh (Mediasi) di Mahkamah Syariah *Journal of Advance Research Design* 15(1):1-14.

Ibn Asyur, M.A. 2007. Maqasid al-Shari'ah Al-Islamiyyah. Tunisia: Dar Al- Syuhun.

Ibn Majah. 1999. Sunan Ibn Majah. Riyadh: Dar al-Salam.

Ibn Qayyim. t.t. Tuhfah Al-Mawdud bi al-Ahkam al-Mawlud. Mesir: Mahtabah al-Taufiqiyyah, t.th), 151.

Ibn Qayyim. 2003. Zad al-Ma'ad fi Huda Khairu al-'Ibad. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Qudamah, A.M.A.1969. al-Mughni. Kaherah: Matba'ah al-Kaherah.

Ibn Qudamah. 2017. al-Mughni. Kaherah: Matbaah al-Manar.

Lukman Abdul Mutalib et al. 2014. Tafsir Maudhu'iy Hudud, Qisas dan Ta'zir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nazri A.R.2014. Hukuman Alternatif Dari Perspektif Mahkamah Syariah *Jurnal Hukum* 39(1): 1-10.

Muhammad Qutub. 1982. Minhaj al-Tarbiyyah al-Islamiyyah. Beirut: Dar al-Syuruk.

Paizah H.I. 1996. Undang-Undang Jenayah Islam. Selangor: Dewan Pustaka Islam, Selangor.

Siti Salmiah A.H.(2018, 4 April).Mahkamah Khas Hadhanah Bantu Masalah Kahwin Cerai. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/04/407712/mahkamah-khas-hadhanah-bantu-masalah-kahwin-cerai>.



Wahbah A.Z. 1988. *Fiqh Islami wa Adillatuhu*. Damsyik, Dar al-Fikr.

Statut

Akta Kanak-kanak 2001.

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001.

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 2014.

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Perlis) 2006.